

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab Pengarah yang baru untuk SRC International belum dilantik untuk mengambil alih daripada Nik Faisal Ariff Kamil dan Dato' Suboh Md Yassin sedangkan pihak SPRM telah mengumumkan bahawa kedua-dua Pengarah telah menghilangkan diri mereka ke luar negeri.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pihak pengurusan SRC International Sdn Bhd (SRC), Encik Nik Faisal Ariff Kamil dan YBhg. Datuk Suboh Md Yassin sedang

membuat perancangan untuk ditemu ramah oleh SPRM dalam masa terdekat bagi membantu siasatan SPRM.

Justeru itu, persoalan mengenai kedudukan mereka sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) SRC adalah tidak timbul sama sekali dan tiada keperluan untuk melantik ALP yang baharu.